

10/05/2002

Majlis Aids mahu syarikat turunkan harga ubat HIV

SUBANG JAYA, Khamis - Majlis Aids Malaysia bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang berunding dengan beberapa syarikat pengeluar bagi mengurangkan harga ubat rawatan anti-retroviral untuk pesakit HIV.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, pada mesyuarat dua bulan lalu, KPDNHEP memberikan tempoh enam bulan kepada syarikat terbabit mengurangkan harga ubat berkenaan.

Katanya, jika syarikat berkenaan tidak berbuat demikian dalam tempoh enam bulan yang berakhir Ogos ini, kementerian akan menemui syarikat pengeluar lain.

"Rawatan menggunakan ubat anti-retroviral adalah rawatan paling berkesan mengurangkan kandungan virus HIV dalam darah. Walaupun rawatan itu tidak mampu menyembuhkan penyakit, ia dapat memanjangkan jangka hayat pesakit.

"Pada peringkat awal, kos rawatan itu mahal sehingga RM2,000 sebulan dan diturunkan antara RM600 hingga RM800. Bagaimanapun ia masih mahal dan perlu dikurangkan berikutan ramai pesakit tidak mampu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Wall Of Conscience sempena Hari Memperingati Aids Sedunia di Kompleks Beli-belah Subang Parade, di sini hari ini.

Marina berkata, pihaknya kini menawarkan ubat pada harga minimum kepada 75 pesakit HIV/Aids menerusi skim khas yang dimulakan tiga tahun lalu.

Mengikut skim itu pesakit hanya perlu membayar untuk sejenis ubat saja bagi setiap tiga jenis ubat yang dibeli.

Mengenai Hari Memperingati Aids Sedunia pada 19 Mei ini, beliau yang juga Pengerusi Yayasan Aids Malaysia berkata, sambutan bertema Share Vision for a Better Tomorrow atau Berkongsi Wawasan untuk Masa Depan Yang Lebih baik bertujuan memberi kesedaran mengenai HIV/Aids.

(END)